

18 FEB 2003

Pas-Keluar

KIRA-KIRA 2,000 ANGGOTA PAS DI BESUT KELUAR PARTI

BESUT, 18 Feb (Bernama) -- Hampir 2,000 anggota dan penyokong Pas di Besut malam tadi berkumpul di rumah seorang bekas pemimpin parti itu di sini dan memutuskan keluar daripada parti itu serta berikrar untuk melumpuhkan Pas dan berjanji membantu Barisan Nasional memenangi pilihan raya umum depan.

Dalam majlis yang berlangsung di rumah bekas Yang Dipertua Pas kawasan Besut, Abdul Latif Ahmad, kumpulan itu berkata mereka akan mengadakan mesyuarat dalam masa terdekat ini untuk memutuskan sama ada mereka akan menyertai Umno ataupun tidak.

Abdul Latif, 62, yang bertanggungjawab menggerakkan usaha menarik mereka keluar daripada Pas, berkata tindakan itu bukan untuk membalas dendam tetapi untuk menyedarkan anggota Pas bahawa sesiapa yang mengkritik parti itu dan pemimpin-pemimpinnya akan disingkir dan dilabel sebagai penghianat.

Beliau berkata kumpulan itu akan menerangkan kepada masyarakat kenapa mereka mengambil tindakan untuk keluar daripada parti itu.

Abdul Latif juga berkata Pas sepatutnya tidak wujud lagi setelah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan Malaysia adalah sebuah negara Islam dan diterima di seluruh dunia.

"Pengisytiharan negara Islam mendapat sokongan majoriti termasuk bukan Islam," katanya.

Seorang kakitangan kerajaan negeri, Raja Ayob Raja Kechik, 50, yang juga anggota Pas sejak 30 tahun lepas, berkata pemimpin-pemimpin parti itu tidak berhak menyingkir sesiapa yang mengkritik parti.

"Malah, mereka turut kata bahawa adalah haram untuk makan lembu yang disembelih oleh Abdul Latif. Ini adalah salah (kerana) soal haram atau halal ditentukan Allah," katanya.

Mamat Zakaria, 47, yang telah menjadi anggota Pas selama 27 tahun, berkata beliau kini sedar bahawa Umno adalah parti yang membela nasib orang Melayu, agama dan negara.

"Saya isytiharkan Pas adalah musuh nombor satu saya, dan saya akan membantu Umno untuk menang semua kerusi di negeri ini," katanya.

-- BERNAMA

SN MAI